


**SOALAN LAZIM BAGI PERJAWATAN KONTRAK
(CONTRACT OF SERVICE (COS) & CONTRACT FOR SERVICE (CFS))
DI JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

BIL	STATUS	KELAYAKAN	BAGI
Syarat Pelantikan (P.P Bil. 2 tahun 2008)			
1	Apakah syarat pelantikan ke jawatan kontrak di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memenuhi semua syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan 2. Berumur lebih daripada 18 tahun dan kurang daripada 58 tahun bagi warganegara; 	COS & CFS ; lantikan bagi waran perjawatan JAIS/ MAIS
2	Selepas pegawai dilantik, apakah dokumen yang perlu dikemukakan dalam tempoh 30 hari ?	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemeriksaan Doktor untuk Perlantikan ke Perkhidmatan Kerajaan; 2. Borang Perakuan Perlantikan Kontrak; 3. Borang Pengesahan Tarikh Melapor Diri Bertugas; 4. Borang Soalan Keselamatan (2 Salinan); 5. Surat Akuan Sumpah; 6. Surat Aku Janji; 7. Akta Rahsia Rasmi 1972; 8. Borang Pengisytiharaan Harta (3 Salinan); 9. Borang Perjanjian Kontrak (4 Salinan) 	COS & CFS ; lantikan bagi waran perjawatan JAIS/ MAIS
Penamatan Perkhidmatan Pegawai Kontrak (P.P Bil. 2 tahun 2008)			
3	Adakah Pihak Kerajaan boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai kontrak dan segala hak serta faedah Pegawai akan luput dan tamat dengan serta-merta jika di dapati pegawai ? Pegawai akan luput dan tamat dengan serta-merta ?	<p>Pihak Kerajaan boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai kontrak dan segala hak serta faedah Pegawai akan luput dan tamat dengan serta-merta jika di dapati pegawai ;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Cuai, enggan atau kerana apa-apa jua sebab selain dari sebab yang disebutkan dalam Fasal 7 dalam Borang 	COS & CFS ; lantikan bagi waran perjawatan JAIS/MAIS

		<p>Perjanjian; atau</p> <p>2. Tidak mematuhi apa-apa perintah yang diberi oleh seseorang pegawai Kerajaan yang berkuasa ke atasnya; atau</p> <p>3. Membocorkan apa-apa maklumat berkenaan dengan hal ehwal Kerajaan kepada sesiapa jua yang tidak berkuasa menerimanya; atau</p> <p>4. Dengan apa-apa jua cara berkelakuan salah atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan di dalam Borang Perjanjian.</p>	
Penyambungan Semula Kontrak (P.P. Bil. 2 tahun 2008)			
4	Adakah pegawai yang telah tamat kontrak boleh disambung perkhidmatannya?	<p>Perkhidmatan seseorang pegawai yang telah atau akan tamat, jika masih diperlukan, boleh disambung melalui proses pelantikan semula. Borang Perakuan Pelantikan Semula Pegawai Kontrak (Lampiran H, PP Bil 2/2008) perlu dilengkapkan dan diperakukan oleh Ketua Jabatan masing-masing :</p> <p>1. Selewat-lewatnya enam (6) bulan sebelum kontrak tamat bagi tempoh kontrak setahun atau lebih; atau</p> <p>2. Setelah menyempurnakan separuh daripada tempoh kontrak bagi tempoh kontrak yang kurang daripada setahun</p>	<p>COS & CFS ; lantikan bagi waran perjawatan JAIS/ MAIS</p>

5	<p>Adakah tempoh pelantikan semula perkhidmatan seseorang pegawai kontrak diukur melalui pemarkahan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)?</p>	<p>Pertimbangan tempoh pelantikan semula seseorang pegawai akan mengambil kira aspek prestasi kerja yang diukur melalui pemarkahan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) tahun terakhir perkhidmatan kontrak sedia ada. Kaedah penetapan adalah seperti berikut;</p> <table border="1" data-bbox="403 846 703 1361"> <thead> <tr> <th>Markah LNPT</th> <th>Tempoh Pelantikan Semula</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>95% dan ke atas</td> <td>Tiga (3) tahun</td> </tr> <tr> <td>90% hingga 94.99%</td> <td>Dua (2) tahun</td> </tr> <tr> <td>85% hingga 89.99%</td> <td>Satu (1) tahun</td> </tr> <tr> <td>Kurang daripada 85%</td> <td>Tidak diluluskan</td> </tr> </tbody> </table>	Markah LNPT	Tempoh Pelantikan Semula	95% dan ke atas	Tiga (3) tahun	90% hingga 94.99%	Dua (2) tahun	85% hingga 89.99%	Satu (1) tahun	Kurang daripada 85%	Tidak diluluskan	<p>COS & CFS ; lantikan bagi waran perjawatan JAIS/ MAIS</p>
Markah LNPT	Tempoh Pelantikan Semula												
95% dan ke atas	Tiga (3) tahun												
90% hingga 94.99%	Dua (2) tahun												
85% hingga 89.99%	Satu (1) tahun												
Kurang daripada 85%	Tidak diluluskan												
<p>Kenaikan Gaji Tahunan (P.P. Bil. 2 tahun 2008)</p>													
6	<p>Adakah kakitangan kontrak (<i>contract of service</i>) dan (<i>contract for service</i>) layak mendapat kenaikan gaji tahunan?</p>	<p>6.1 Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2008, kakitangan kontrak (<i>contract of service</i>) layak mendapat kenaikan gaji tahunan dengan kaedah penetapan tarikh pergerakan gaji pegawai ditentukan mengikut tarikh kuat kuasa pelantikan pertama atau tarikh kuat kuasa pelantikan semula seperti berikut :</p> <table border="1" data-bbox="991 790 1289 1361"> <thead> <tr> <th>Tarikh lantikan</th> <th>Tarikh pergerakan gaji</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 Januari hingga 31 Mac</td> <td>1 Januari tahun berikutnya</td> </tr> <tr> <td>1 April hingga 30 Jun</td> <td>1 April tahun berikutnya</td> </tr> <tr> <td>1 Julai hingga 30 September</td> <td>1 Julai tahun berikutnya</td> </tr> <tr> <td>1 Oktober hingga 31 Disember</td> <td>1 Oktober tahun berikutnya</td> </tr> </tbody> </table>	Tarikh lantikan	Tarikh pergerakan gaji	1 Januari hingga 31 Mac	1 Januari tahun berikutnya	1 April hingga 30 Jun	1 April tahun berikutnya	1 Julai hingga 30 September	1 Julai tahun berikutnya	1 Oktober hingga 31 Disember	1 Oktober tahun berikutnya	<p>COS ; lantikan bagi waran perjawatan JAIS/ MAIS</p>
Tarikh lantikan	Tarikh pergerakan gaji												
1 Januari hingga 31 Mac	1 Januari tahun berikutnya												
1 April hingga 30 Jun	1 April tahun berikutnya												
1 Julai hingga 30 September	1 Julai tahun berikutnya												
1 Oktober hingga 31 Disember	1 Oktober tahun berikutnya												

		<p>6.2 Pelantikan Contract For Service bagi Pegawai Skim Perkhidmatan Singkat di bawah Pakej Ransangan Ekonomi Kedua tidak berstatus penjawat awam dan lantikan mereka adalah untuk tempoh jangka pendek sahaja. Oleh itu, bayaran perkhidmatan, elaun dan kemudahan mereka tidak boleh disamakan dengan saaraan yang diterima oleh Pegawai Perkhidmatan Awam. CFS Tidak layak mendapat kenaikan gaji tahunan.</p>	
Mengemaskini Sistem Hrmis			
7	<p>Adakah pegawai perlu mengemaskini maklumat peribadi dan perkhidmatan di dalam sistem Hrmis?</p>	<p>Setiap pegawai bertanggungjawab untuk mengemaskini maklumat peribadi dan maklumat perkhidmatan masing-masing di dalam Aplikasi Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS).</p>	<p>COS lantikan bagi waran perjawatan JAIS</p>
Etika Berpakaian			
8	<p>Adakah Pegawai tertakluk kepada etika berpakaian ?</p>	<p>Pegawai tertakluk kepada etika berpakaian yang dijelaskan dalam:- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985 dan Garis Panduan Etika Pakaian Warga Kerja Di JAIS di dalam Arahan Tetap Pengarah Bil. 5 Tahun 2020. Pegawai adalah ditegah sama sekali memakai pakaian seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jeans • Seluar pendek • Memakai selipar / kasut getah/kasut sukan <p>Pegawai digalakkan berpakaian baju koporat jabatan pada hari Isnin manakala berpakaian batik pada setiap hari khamis.</p>	<p>COS & CFS ; lantikan bagi waran perjawatan JAIS/ MAIS</p>

		
Pelaksanaan Pelantikan Tetap Pegawai Lantikan Kontrak (COS) Yang Melebihi 15 Tahun		
<p>9</p>	<p>Apakah yang dimaksudkan dengan Pelaksanaan pelantikan tetap Pegawai Lantikan Kontrak Perkhidmatan (Contract Of Service) yang melebihi 15 tahun ?</p>	<p>Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam rujukan JPA.BK(S) 173/18 Jld.20 (12) bertarikh 31 Mac 2016- Pelaksanaan pelantikan tetap Pegawai Lantikan Kontrak Perkhidmatan (Contract Of Service) yang melebihi 15 tahun telah diputuskan oleh Kerajaan mulai 1 Julai 2016 adalah bagi :-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai yang berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun dan 2. Memenuhi syarat-syarat dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 (PP 2/2008) – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (Contract Of Service) atau mana-mana peraturan pelantikan pegawai kontrak yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam yang berkuat kuasa sebelum pelaksanaan PP 2/2008.
<p>10</p>	<p>Adakah Pelaksanaan pelantikan tetap Pegawai Lantikan Kontrak Perkhidmatan (Contract Of Service) yang melebihi 15 tahun ini <i>masih dilaksanakan</i> ?</p>	<p>Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPNS) di dalam Mesyuarat Lembaga Suruhanjaya Bil. 6/2020 bertarikh 25 Ogos 2020 telah memutuskan untuk menangguhkan seketika urusan pengambilan pegawai lantikan kontrak perkhidmatan (Contract Of Service) yang telah berkhidmat melebihi 15 tahun untuk tujuan pelantikan secara tetap bagi jabatan/ agensi di bawah Perkhidmatan Awam Negeri Selangor sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.</p>
		<p>COS ; lantikan bagi waran perjawatan JAIS</p>
		<p>COS ; lantikan bagi waran perjawatan JAIS</p>

<p>11</p>	<p>Pejabat Gred, Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Lantikan Kontrak (COS)</p> <p>Adakah pelantikan ke gred kenaikan pangkat bagi pegawai lantikan kontrak pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dilaksanakan?</p> <p>Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 38/ 2013 bertarikh 4 Disember 2013 telah meluluskan Pelantikan Gred Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Lantikan Kontrak (<i>Contract Of Service</i>) di Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Pegawai yang layak dipertimbangkan hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan;</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Masih berkhidmat pada 1 November 2013; 2. Pegawai berada di Gred lantikan sekurang-kurangnya 10 tahun jawatan yang sama bagi pegawai yang menyandang jawatan Gred 41/ dan Gred 29 serta sekurang-kurangnya 13 tahun bagi Kumpulan; Pelaksana selain Gred 29; 3. Diperakukan oleh Ketua Jabatan; 4. Markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) tiga (3) tahun terkini yang cemerlang (kumulatif 90% dan ke atas); 5. Mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang berkuatkuasa (dalam tempoh lima (5) tahun berakhir); 6. Bebas daripada sebarang hukuman tatatertib; 7. Lulus pemeriksaan kesihatan oleh pengamal perubatan berdaftar; 8. Lulus Tapisan Keutuhan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan 9. Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjaman pendidikan tegar daripada Institut pinjaman pendidikan.
-----------	--

COS ;
lantikan bagi waran perjawatan
JAIS

Pelaksanaan Bantuan Khas Kewangan (BKK)													
12	<p>Bagaimana Bantuan Khas Kewangan dilaksanakan?</p> <p>Bantuan Khas Kewangan dilaksanakan setelah diluluskan melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) dengan kadar dan syarat-syarat pembayaran yang telah ditetapkan;</p> <p>1. Bagi lantikan JAIS menggunakan waran perjawatan JAIS bayaran dilaksanakan setelah keputusan MMKN tersebut diperolehi.</p> <p>2 Bagi lantikan JAIS menggunakan waran perjawatan MAIS bayaran boleh dilakukan; setelah mendapat kelulusan daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS).</p>												
Kemudahan Cuti Rehat Dan Cuti Sakit (P.P.Bil. 2 tahun 2008)													
13	<p>Adakah pegawai lantikan kontrak mendapat kemudahan Cuti rehat/ cuti sakit?</p> <p>Kelayakan Cuti rehat mengikut kategori;</p> <table border="1" data-bbox="837 795 1077 1355"> <thead> <tr> <th>Perkara</th> <th>Gred</th> <th>Kadar</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Cuti rehat tahunan</td> <td>1 – 20</td> <td>20 hari</td> </tr> <tr> <td>Cuti rehat tahunan</td> <td>21 – 54 & Kumpulan Pengurusan Tinggi</td> <td>25 hari</td> </tr> <tr> <td>Cuti Sakit</td> <td>Semua kategori</td> <td>15 hari</td> </tr> </tbody> </table>	Perkara	Gred	Kadar	Cuti rehat tahunan	1 – 20	20 hari	Cuti rehat tahunan	21 – 54 & Kumpulan Pengurusan Tinggi	25 hari	Cuti Sakit	Semua kategori	15 hari
Perkara	Gred	Kadar											
Cuti rehat tahunan	1 – 20	20 hari											
Cuti rehat tahunan	21 – 54 & Kumpulan Pengurusan Tinggi	25 hari											
Cuti Sakit	Semua kategori	15 hari											

COS & CFS ;
lantikan bagi waran perjawatan JAIS/ MAIS

COS;
lantikan bagi waran perjawatan JAIS/ MAIS

Kemudahan Cuti Haji (P.P.Bil. 2 tahun 2016) (Penambahbaikan)

Adakah pegawai Kontrak layak mendapat kemudahan Cuti Haji?

Layak mendapat Cuti Haji seperti berikut:

Tempoh perkhidmatan	Jumlah Cuti Haji	Jenis Cuti
Berkhidmat Kontrak (COS) Tidak kurang empat (4) tahun	40 hari sepanjang tempoh perkhidmatan	Cuti Bergaji Penuh
Berkhidmat Kontrak (COS) sekurang-kurangnya tiga (3) tahun.	Tidak melebihi 40 hari	Cuti Tanpa Gaji

* **Cuti Tanpa Gaji atas sebab yang lain tidak dibenarkan.**

COS ;
lantikan bagi waran perjawatan JAIS/ MAIS

Cuti Tanpa Rekod Bagi Urusan Kematian (P.P. Bil. 2 tahun 2016) (Penambahbaikan)

Adakah kakitangan kontrak layak mendapat Cuti Tanpa Rekod bagi urusan kematian ahli keluarga terdekat?

Kemudahan Cuti Tanpa Rekod selama Tiga (3) hari berturut-turut Urusan Kematian ahli keluarga terdekat iaitu:-

Bil	Kategori
1	Suami/ isteri
2	Anak kandung
3	Anak angkat yang sah di sisi undang-undang
4	Anak angkat <i>de facto</i>
5	Anak pelihara
6	Ibu kandung atau ibu angkat
7	Bapa kandung atau bapa angkat
8	Seorang ibu mentua dan seorang bapa mertua

COS ;
lantikan bagi waran perjawatan JAIS/ MAIS

	<p>Cuti tanpa rekod hendaklah:-</p> <p>i. bermula pada tarikh kematian ahli keluarga terdekat atau pada hari berikutnya jika ahli keluarga berkenaan meninggal dunia selepas waktu pejabat; dan</p> <p>ii. meliputi hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.</p>							
Cuti Isteri Bersalin (P.P.Bil. 2 tahun 2016) (Penambahbaikan)								
16	<p>Adakah kelayakan Cuti Isteri Bersalin bagi pegawai Kontrak?</p> <p>i)</p> <table border="1" data-bbox="678 694 805 1377"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Kelayakan</th> <th>Jenis Cuti</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pegawai Lelaki</td> <td>Tujuh (7) hari</td> <td>Cuti Tanpa Rekod</td> </tr> </tbody> </table> <p>ii) Cuti tanpa rekod bermula pada tarikh isteri bersalin atau pada hari berikutnya jika isterinya bersalin selepas waktu pejabat.</p> <p>ii) Dihadkan kepada lima (5) kali sepanjang tempoh perkhidmatan Kerajaan.</p>	Kategori	Kelayakan	Jenis Cuti	Pegawai Lelaki	Tujuh (7) hari	Cuti Tanpa Rekod	<p>COS ; lantikan bagi waran perjawatan JAIS/MAIS</p>
Kategori	Kelayakan	Jenis Cuti						
Pegawai Lelaki	Tujuh (7) hari	Cuti Tanpa Rekod						
Cuti Bersalin Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam (P.P.Bil. 5 Tahun 2018)								
17	<p>Berapakah kelayakan Cuti Bersalin bagi pegawai kontrak wanita?</p> <p>i)</p> <table border="1" data-bbox="1204 672 1332 1377"> <thead> <tr> <th>Kategori</th> <th>Kelayakan</th> <th>Jenis Cuti</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pegawai Wanita</td> <td>360 hari</td> <td>Cuti Bergaji penuh</td> </tr> </tbody> </table>	Kategori	Kelayakan	Jenis Cuti	Pegawai Wanita	360 hari	Cuti Bergaji penuh	<p>COS ; lantikan bagi waran perjawatan JAIS/MAIS</p>
Kategori	Kelayakan	Jenis Cuti						
Pegawai Wanita	360 hari	Cuti Bergaji penuh						

		<p>ii) Tempoh maksimum Cuti Bersalin bagi setiap kelahiran adalah 90 hari. Pegawai diberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin antara 60 hari hingga 90 hari bagi setiap kelahiran.</p> <p>iii) Cuti Bersalin bermula pada tarikh pegawai bersalin. Walau bagaimanapun pegawai boleh memilih untuk menggunakan Cuti Bersalin awal dari tarikh bersalin iaitu pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari tarikh dijangka bersalin.</p> <p>iii) Dihadkan kepada lima (5) kali sepanjang tempoh perkhidmatan Kerajaan.</p>	
Ganjaran (P.P Bil. 2 Tahun 2008)			
18	Apakah maksud ganjaran dan adakah pegawai kontrak layak mendapat faedah ganjaran?	<p>Ganjaran adalah salah satu faedah tamat perkhidmatan yang dibayar kepada pegawai yang telah menamatkan perkhidmatan dengan memuaskan. Layak bagi kakitangan kontrak (COS).</p>	<p>COS ; lantikan bagi waran perjawatan JAIS/ MAIS</p>
Gantian Cuti Rehat (GCR)			
19	Apakah maksud GCR ?	<p>GCR adalah cuti yang dibenarkan untuk tujuan pemberian wang tunai sebagai gantian bagi cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan.</p> <p>Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor melalui Mesyuarat Panel Pengurusan Sumber Manusia Bilangan 1 Tahun 2020 bertarikh 23 Januari 2020 telah bersetuju meluluskan pemakaian Garis Panduan Pelaksanaan Pelantikan Semula Perkhidmatan Kontrak-Contract Of Service (COS) dan Contract For Service (CFS) di Pentadbiran Negeri Selangor;</p> <p>Kelayakan GCR bagi COS:- GCR adalah cuti yang dibenarkan untuk tujuan pemberian wang tunai sebagai gantian bagi cuti rehat yang tidak dapat dihabiskan adalah 5 hari sahaja tetakluk kepada tempoh perkhidmatan kontrak pegawai dan terhad kepada maksimum 75 hari sepanjang tempoh perkhidmatan kontrak dengan</p>	<p>COS ; lantikan bagi waran perjawatan JAIS/ MAIS</p>

		kerajaan. ii) Kelayakan pemberian wang tunai sebagai GCR tidak tertakluk kepada tempoh kontrak satu (1) tahun. iii) Cuti rehat yang dikumpul bagi GCR hendaklah mendapat kebenaran Ketua Jabatan setiap tahun/ tamat tempoh kontrak dengan menggunakan borang seperti di lampiran B.	
Pekerja Sambilan Harian (PSH)			
20	Apakah yang dimaksudkan dengan pegawai sambilan?	Pegawai sambilan adalah pekerja yang diambil untuk melaksanakan sesuatu tugas iaitu melaksanakan tugas-tugas yang bersifat projek/program, ad hoc atau tugas bermusim (seasonal).	
Cuti Kuarantin (P.P Bil. 11 Tahun 2016)			
21	Adakah Pegawai Kontrak layak mendapat Cuti Kuarantin?	Layak kepada pegawai lantikan Kontrak (Contract Of Service) melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 37/2018 bertarikh 21 November 2018. Kemudahan Cuti; 1. Layak mendapat cuti bergaji penuh sepanjang tempoh 2. Kuarantin Diberikan kepada pegawai yang anaknya menghidap penyakit berjangkit dan perlu di kuarantin Kelayakan: <ul style="list-style-type: none"> ◆ Telah diperakukan oleh pegawai perubatan Kerajaan @swasta yang menyatakan anak perlu dikuarantin kerana penyakit berjangkit ◆ Pegawai yang layak : ibu bapa yang sah ◆ Anak kandung, anak tiri tanggungan, anak angkat <i>de facto</i>, anak angkat dan anak pelihara ◆ Maksimum 5 hari (tidak termasuk hari rehat minggu, kelepasan am minggu/kelepasan am) ◆ Dengan syarat anak yang dikuarantin: 	COS ; lantikan bagi waran perjawatan JAIS/ MAIS

		<ul style="list-style-type: none"> ◊ umur <18 tahun, jika masih belajar <21 tahun ◊ Tidak kira apa jua umurnya dan yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal dan tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri, dengan syarat anak itu adalah cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal sebelum anak itu mencapai umur 21 tahun. <p>Senarai penyakit berjangkit yang dibenarkan memohon:</p> <ul style="list-style-type: none"> ◆ Penyakit tangan, kaki dan mulut [Hand, Foot and Mouth Disease.(HFMD)] ◆ Demam denggi dan demam denggi berdarah ◆ Campak (<i>Measles</i>) ◆ <i>Chickentpox</i> ◆ <i>Difteria</i> ◆ <i>Malaria</i> 	
--	--	--	--